

# e-Kadaster, e-Tanah ke arah pengeluaran geran segera

Oleh SAROJI MOKHTAR

**KOTA BHARU** 23 April - Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (Jupem) akan melaksanakan sistem e-Kadaster dan e-Tanah sebagai sebahagian daripada usaha ke arah menyiapkan pengeluaran geran hak milik tanah dengan cepat mulai tahun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah berkata, melalui kedua sistem itu, kerajaan menasarkannya dapat mengeluarkan geran dalam tempoh sehari sahaja menjelang 2010.

Katanya, bagi pelaksanaan e-Kadaster yang menggunakan satelit, sebuah syarikat

melalui kedua sistem itu, kerajaan menasarkannya dapat mengeluarkan geran dalam tempoh sehari sahaja menjelang 2010

Presision Portal Sdn. Bhd. dilantik bagi menjalankan aktiviti sistem itu.

"Syarikat berkenaan telah melantik Koperasi Juruukur Tanah Berlesen Bhd. (Kojuta) untuk menjalankan kerja infrastruktur Kawasan Kadaster melibatkan negeri-negeri seluruh Semenanjung dalam tempoh empat bulan bermula Mei ini.

"Ia melibatkan kewujudan Sistem Penentu Lokasi Global (GPS) dengan sebanyak 25,000 titik cerapan di seluruh Semenanjung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Blok Kerja Infrastruktur Kawasan Kadaster Jupem peringkat Zon Timur di sebuah hotel di sini, semalam.

UM 6 24/4/07  
**SAZMI MIAH**  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Sumber  
Asli dan Alam Sekitar

Hadir sama pada majlis itu, Presiden Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (Pejuta), Hanafi Mamat dan Pengarah Projek Kojuta, Jalal Johari.

Sazmi berkata, seramai 107 syarikat juru ukur berlesen yang menjadi anggota Kojuta terlibat melaksanakan tugas tersebut.

Katanya, program itu merupakan yang pertama di Asia dan ia setanding dengan negara-negara maju dalam urusan pengeluaran hak milik tanah dengan cepat.

Beliau berharap dengan berjayanya projek e-Kadaster itu akan dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kepada rakyat selaras dengan moto Jupem, 'gerah tanah dalam masa satu hari'.

## PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

Nama Akhbar UTUSAN MALAYSIA  
Tarikh 24.04.2007  
Muka Surat 8  
Perkara PELAKSANAAN e-KADASTER  
DAN e-TANAH.